

**Malaysia lebih baik urus masyarakat majmuk berbanding AS, kata Dr M**  
**The Malaysian Insider**  
**Jun 23, 2015**

Malaysia membangunkan masyarakat berbilang kaum dengan lebih adil berbanding Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai masyarakat majmuk terbesar di dunia, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, ia turut diakui majalah Amerika, Foreign Affairs, yang memuji pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di Malaysia.

"Dasar layanan kesamarataan iaitu meritokrasi tidak menghasilkan keputusan yang ketara," kata Dr Mahathir, merujuk kepada hubungan kaum di AS yang disifatkan "tidak mengenal warna kulit".

"Tidak seperti pendapat mengenai polisi kadar tukaran tetap Malaysia, nampaknya kini kritikan terhadap tindakan afirmatif kita ditarik balik, sekurang-kurangnya oleh majalah Foreign Affairs," katanya menerusi tulisan di blognya hari ini.

Dr Mahathir membandingkan kesan DEB terhadap majoriti Melayu dengan kesan meritokrasi AS terhadap masyarakat kulit hitam.

Katanya, masyarakat kulit hitam di AS yang tidak mendapat banyak faedah seperti kulit putih walaupun presiden negara itu berkulit hitam dan ramai mereka memegang jawatan kanan kerajaan.

"Hakikatnya masih ramai orang kulit hitam yang miskin dan terjebak dengan dadah dan jenayah.

"Walaupun populasinya adalah 10%, tetapi jumlah peratusan mereka di penjara hampir 50%. Pendapatan per kapita mereka juga bawah purata negara.

"Itu tidak termasuk pembunuhan sengaja orang kulit hitam oleh polis, yang kemudiannya terlepas daripada pendakwaan," tulis Dr Mahathir.

Majalah itu, katanya, mengakui meskipun dengan DEB, prestasi ekonomi Malaysia lebih baik daripada negara membangun yang lain.

"Setiap kaum nampaknya hidup dengan harmoni. Tidak ada pertelingkahan kaum yang serius," katanya. – 23 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-lebih-baik-urus-masyarakat-majmuk-berbanding-amerika-kata-dr-m#sthash.IO9oCcDM.dpbs>